

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 April 2017**

**SOALAN**

Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mohon pencerahan mengenai kriteria pemilihan pengasuh atau pembantu berikutan kes dera kanak-kanak di TASKA semakin menjadi isu di kalangan ibu bapa yang bekerja dan sejauh mana Kementerian membantu dalam menangani isu ini.

## **JAWAPAN**

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rahemah binti Idris bertarikh 18 April 2017 bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar pada 19 April 2017 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian telah mengadakan program advokasi seperti program Jom Daftar bagi setiap negeri untuk memastikan lebih banyak TASKA berdaftar. Melalui pendekatan ini, ia dapat mencegah berlakunya penderaan kanak-kanak di TASKA kerana selepas pendaftaran pihak Kementerian melalui JKM akan membuat pemantauan secara berkala bagi memastikan TASKA memberi perkhidmatan yang berkualiti. Hasil daripada program tersebut, pendaftaran TASKA telah meningkat sebanyak 41 peratus di mana pada tahun 2015 sebanyak 362 buah TASKA berdaftar manakala pada tahun 2016 sebanyak 510 TASKA berdaftar. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terutamanya dalam menangani kes-kes penderaan di TASKA dan kriteria pemilihan pengasuh oleh pengusaha TASKA dalam pengambilan pekerja. Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian bagi menangani isu penderaan adalah : (i) KPWKM telah mengambil inisiatif mewujudkan Task Force Ramping Up The Ecce Industry (Task Force ECCE) yang berperanan untuk mengatasi isu-isu TASKA termasuk isu keselamatan dan penderaan kanak-kanak di TASKA. (ii) Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 turut menambahbaik maklumat dalam Daftar Kanak-Kanak, di mana butiran berkaitan dengan individu yang melakukan kesalahan penderaan terhadap kanak-kanak direkodkan. Oleh yang demikian, Pengusaha TASKA boleh membuat permohonan kepada Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan membuat semakan bagi memastikan pengasuh yang diambil bekerja bukan seorang pesalah di bawah akta tersebut. (iii) Juga di bawah Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016, kita meningkatkan hukuman kepada individu yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga mengakibatkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual di bawah Seksyen 31(1) AKK termasuk di TASKA. (iv) Memastikan semua TASKA memasang CCTV mengikut pekeliling Ketua Pengarah Bil 1 Tahun 2015. (v) Pegawai Diberi Kuasa TASKA (PDBK) untuk membuat pemantauan berkala ke TASKA Berdaftar bagi memastikan TASKA mematuhi Akta dan Peraturan yang ditetapkan. (vi) Mengadakan audit pematuhan terhadap TASKA bagi memastikan Akta dan juga Peraturan TASKA dipatuhi. Kementerian amat prihatin akan isu penderaan kanak-kanak bukan sahaja di TASKA tetapi juga di tempat-tempat lain. Usaha berterusan dan kerjasama bersepadu daripada semua pihak iaitu agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat amat diperlukan bagi membanteras kes penderaan kanak-kanak di negara ini.

